



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **KOLAM BIRU *RIVER OF LIFE* (RoL) PRODUK PELANCONGAN BAHARU MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR 28 Ogos 2017** - Projek *River Of Life* (RoL) telah dilancarkan pada tahun 2011 dan merupakan Projek Permulaan atau *Entry Point Projek* (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi bagi *Greater Kuala Lumpur – Klang Valley* (NKEA *Greater KL/KV*) yang bermatlamat untuk mentransformasi Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi melalui tiga komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.

2. Fasa 1 pengindahan sungai Presint 7, Projek *River Of Life* (RoL) ini melibatkan kawasan bersejarah, iaitu pertembungan dua anak sungai di mana bermulanya Kuala Lumpur dan dikelilingi bangunan-bangunan warisan negara seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad dan Pasar Seni. Sebagai daya tarikan baharu, satu jambatan pejalan kaki telah dibina menghubungkan masjid dengan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka. Jambatan pejalan kaki tersebut dapat memendekkan 50% tempoh masa perjalanan daripada laluan sedia ada terutamanya kepada orang ramai yang ingin berjalan ke Masjid Jamek Sultan Abdul Samad.

3. “Kolam Biru” merupakan ikon baharu kepada Kuala Lumpur adalah hasil cetusan idea YAB Perdana Menteri yang mahu mengoptimumkan potensi kawasan ini sebagai penggerak kepada ekonomi negara dan menarik lebih ramai pelancong ke kawasan

tersebut. Kolam Biru ini mempunyai pemandangan yang indah cukup dengan limpahan cahaya yang berwarna-warni berserta pancutan air mengikut irama muzikal yang amat mempersonakan.

4. Pembinaan kolam biru ini akan memberi impak kepada perkembangan ekonomi negara melalui pembangunan-pembangunan infrastruktur yang berteknologi tinggi dan seterusnya bakal memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan terutamanya kepada generasi Y. Penanaman pokok-pokok akan memberikan keseimbangan kepada ekosistem. Warga kota pula dapat menikmati suasana sungai yang bersih dengan udara yang segar dan nyaman.

5. Pihak kerajaan juga melaksanakan satu *Public Outreach Program* yang bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap sungai supaya hasrat kerajaan untuk menjadikan sungai sebagai nadi kehidupan dan mempunyai potensi dari segi ekonomi akan tercapai. Langkah ini termasuk bagi memastikan sungai kita sentiasa terpelihara dan seterusnya menjadikan Sungai Klang ini sebagai salah satu lokasi pelancongan terkemuka dunia.

6. Usaha pihak kerajaan melaksanakan projek RoL ini dalam menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandaraya yang lebih bersih, hijau dan berdaya huni sesuai dengan statusnya sebagai ibu negara Malaysia dapat direalisasikan dengan kerjasama semua pihak dan rakyat.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur,

28 Ogos 2017